



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	ISLAMIC THEOLOGY
KOD KURSUS	:	DPI1023
PEPERIKSAAN	:	APR 2015
MASA	:	1 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **TIGA (3)** soalan dari **BAHAGIAN C**
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
 - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Objektif
 - iii. Jawab BAHAGIAN C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iii. Borang Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 17 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Mengenal Qadar yang menjadi landasan sistem alam sejagat terhadap makhluk dan pentadbiranNya.
2. Semangat mengejar perkara yang gemilang dan cemerlang adalah sebahagian kepentingan kita mengenali Allah Taala.
3. Apabila hampirnya kiamat, berlaku suatu perkara yang besar iaitu keluarnya sejenis binatang dari bumi yang belum pernah dilihat oleh manusia, dimana binatang itu bercakap dengan bahasa yang faseh menyatakan bahawa manusia telah tidak beriman dengan ayat-ayat Allah.
4. Iman adalah sekadar pengetahuan atau pengakuan hati dan penuturan dengan lidah
5. Manusia tidak wajib mengakui bahawa amalan-amalan yang dilakukannya adalah timbul dari kemahuan dan kehendaknya sendiri.
6. Di antara tanda kiamat kecil ialah keluar Ya'juj dan Ma'juj
7. Mengucap dan mengaplikasikan syahadah bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah termasuk dalam tauhid Uluhiyyah.
8. Mana-mana hakikat ilmiah yang mampu dicapai oleh pemikiran manusia, pasti ditemui asasnya dalam al-Quran sama ada dalam bentuk isyarat atau pernyataan.

9. Kitab Taurat diturunkan kepada Nabi Daud, Injil kepada Nabi Isa, Zabur kepada Nabi Musa dan al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad.

10. Kita diwajibkan beriman dan beramal dengan semua kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah.

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi EMPAT PULUH (40) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Bagaimana proses fitrah ketuhanan yang ada pada manusia ini berlaku sebagaimana yang dinyatakan di dalam surah al-A'raf: 172
 - A. Dengan ditiupkan ruh ke dalam janin
 - B. Dengan persaksian ruh dengan Allah
 - C. Dengan melaungkan azan sebaik-baik sahaja bayi lahir
 - D. Dengan mengucapkan kalimah syahadah

2. Pencarian hakikat kehidupan sebagai fenomena fitrah bertuhan dapat dilihat menerusi aktiviti manusia yang berikut **KECUALI**
 - A. Penciptaan pelbagai teori tentang asal usul alam
 - B. Menjalani peperiksaan dalam sesuatu kemahiran insaniah
 - C. Amalan-amalan ritual dan penyembahan terhadap kuasa ghaib
 - D. Mencari jalan penyelesaian dengan mengharap bantuan dari sesuatu keajaiban

3. Berikut adalah kaedah yang boleh membawa manusia meyakini kewujudan Allah **KECUALI:**
 - A. Melalui logik akal
 - B. Melalui fitrah manusia
 - C. Melalui wahyu
 - D. Melalui meditasi

4. Apakah hikmah mengimani hari kiamat?
 - i. Supaya manusia bekerja dengan lebih gigih dan tekun lagi
 - ii. Supaya manusia bermotivasi ke masjid dan meninggalkan kerja harian
 - iii. Supaya manusia sedar dan insaf bahawa alam ini akan musnah
 - iv. Supaya manusia tidak lagi bersemangat mencari harta dunia

- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i dan iii
D. ii dan iii
5. Definisi Tauhid al-Asma' Wa al-Sifat mengandungi tiga asas **KECUALI**
- A. Menyucikan Allah daripada penyerupaan dengan makhluk dan daripada segala kekurangan
B. Menghafaz al-Asma al-Husna
C. Beriman dengan al-Asma' wa al-sifat yang sabit dalam Quran dan Sunnah
D. Menghentikan keinginan untuk mengetahui hakikat sifat Allah
6. Perkara-perkara di bawah ini manusia tiada kuasa di dalamnya. Oleh itu qadarlah yang berperanan dalam semua perkara tersebut.
- i. Minda atau tahap cerdik atau bodoh
ii. Masa atau detik kelahiran
iii. Siapa ibu bapa yang melahirkannya.
iv. Membuat pilihan calon isteri
- A. i,ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, iii dan iv
D. i, ii, iii dan iv
7. Berikut ialah asas-asas akidah Islam yang telah dibina oleh rasulullah S.A.W **KECUALI:**
- A. Keyakinan mengenai kewujudan Allah serta berusaha mengenalinya
B. Keyakinan kepada para rasul yang diutuskan ke muka bumi
C. Keyakinan kepada makhluk-makhluk halus ciptaan Allah
D. Keyakinan dengan taqdir dan ketetapan Allah sama ada baik ataupun buruk

8. Gejala keruntuhan akhlak remaja muslim masa kini adalah isu utama yang menjadi topik perbincangan hangat di Negara kita. Apakah faktor **UTAMA** yang menyumbang kepada fenomena tersebut?
- A. Pengaruh persekitaran
 - B. Budaya hedonism yang keterlaluan
 - C. Lunturnya kekuatan iman
 - D. Kurangnya pemantauan dari ibubapa
9. Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai konsep menerima takdir Allah
- A. Menerima dengan reda apa yang telah ditakdirkan oleh Allah
 - B. Menerima takdir baik dan buruk dari Allah dengan sabar
 - C. Takdir Allah tidak boleh berubah dengan doa
 - D. Bersabar sekiranya Allah mentakdirkan sesuatu yang buruk
10. Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa senaman yoga yang bersistematik adalah haram diamalkan oleh orang Islam. Apakah elemen yang menyebabkan senaman tersebut bertentangan dengan Islam?
- i. Pemujaan
 - ii. Bacaan mentera
 - iii. Keberhalaan
 - iv. Kesederhanaan
- A. I, ii dan iii
 - B. I, iii dan iv
 - C. Ii, iii dan iv
 - D. Semua di atas

11. Manakah antara berikut menjadi punca lahirnya pelbagai ajaran sesat di Malaysia
- Sebahagian umat Islam yang jahil mengenai agama
 - Ingin mendapat sanjungan dan pujian dari masyarakat
 - Terdapat pengikut yang terlalu fanatik terhadap guru mereka
 - Penguatkuasaan undang-undang yang ketat oleh pihak pemerintah
- A. I, ii dan iii
B. I, ii dan iv
C. I, iii dan iv
D. Semua di atas
12. Pilih kenyataan yang benar tentang hubungan antara akal, aqidah, wahyu dan iman dalam diri setiap mukmin
- Akal memerlukan wahyu untuk mencapai iman
 - Wahyu menyuburkan aqidah sehingga tidak tersesat
 - Dengan wahyu sahaja manusia boleh mencapai iman
 - Manusia boleh memilih sama ada menggunakan akal atau wahyu untuk mencapai iman
- A. I sahaja
B. I, ii dan iii
C. Ii dan iii
D. Semua di atas
13. Intipati rukun iman terangkum dalam aspek berikut
- Rububiah, Uluhiah dan asma wa sifat
 - Ilahiat, nubuwwat dan ghaibiat
 - Ma'rifat, syariat, tariqat dan hakikat
 - Aqidah, ibadah dan akhlak

14. Pilih pernyataan yang **SALAH** tentang kepentingan beriman kepada malaikat.
- Dapat memahami kemuliaan malaikat berbanding manusia
 - Dapat memperbetulkan segala fahaman tentang makhluk ghaib
 - Dapat meningkatkan kuasa manusia dengan pertolongan malaikat
 - Dapat meyakini kebesaran Allah yang maha berkuasa menjadikan makhluk dengan pelbagai ciptaan.
- A. I dan ii sahaja
B. I, ii dan iii sahaja
C. Ii dan iv sahaja
D. I dan iii sahaja
15. Berikut adalah manifestasi penghayatan mukmin terhadap keimanan kepada Allah sebagai ilah **KECUALI**
- Membina sistem pengajaran dan pembelajaran bersumberkan al-Quran dan Al-Sunnah
 - Menjauhi unsur-unsur khurafat dalam mengubati penyakit
 - Menyebut Asma al-husna sepanjang perjalanan ketika memandu
 - Menghormati dan menyantuni ibubapa yang musyrik berdasarkan ayat 23 surah al-Isra
16. Pilih kenyataan yang **SALAH** mengenai penghayatan tauhid dalam kerangka beriman kepada Allah
- Semua manusia memiliki keyakinan tauhid rububiah secara fitrahnya
 - Tauhid Uluhiah mengandungi tauhid Rububiah dan tauhid asma wa sifat
 - Tauhid asma wa sifat terangkum dalam tauhid Rububiah dan tauhid Uluhiah
 - Tauhid Rububiah menuntut keyakinan dan perakuan manakala tauhid Uluhiah menuntut pengamalan dalam bentuk ketaatan dan pengabdian
- A. I dan ii sahaja
B. I, ii dan iii
C. Ii, iii dan iv
D. Semua di atas

17. Beriman kepada malaikat bererti meyakini bahawa Allah mempunyai malaikat yang mempunyai sifat-sifat berikut
- i. Dijadikan dari cahaya
 - ii. Sentiasa taat kepada Allah
 - iii. Tidak mengingkari perintah Allah
 - iv. Sentiasa bertasbih siang dan malam
- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, iii dan iv
D. Semua di atas
18. Beriman kepada malaikat secara umum mencakupi perkara berikut:
- i. Malaikat adalah makhluk Allah dan kewujudan mereka adalah hakiki
 - ii. Kedudukan malaikat adalah mulia di sisi Allah
 - iii. Malaikat memiliki sebahagian daripada sifat ketuhanan
 - iv. Malaikat memiliki sebahagian daripada sifat kemanusiaan
- A. I dan ii
B. li dan iii
C. I, ii dan iii
D. Semua di atas
19. Pernyataan di bawah adalah benar mengenai hubungan antara Iman dan Islam
- i. Melakukan amalan ketaatan melalui proses taakul dan tafakkur
 - ii. Islam menggambarkan yang zahir dan iman menggambarkan yang batin
 - iii. Mengakui ajaran nabi di dalam hati tetapi tidak mahu mentaati syariat Allah
 - iv. Mengamalkan ibadah harian secara turun temurun sebagai adat kebiasaan dalam masyarakat

- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. ii, iii dan iv
D. i, ii dan iii
20. Terdapat beberapa aliran pemikiran yang utama berkaitan persoalan qada' dan qadar. Berikut adalah kenyataan yang benar mengenai aliran pemikiran tersebut
- Mazhab jabariah berpendapat manusia adalah makhluk yang telah ditentukan pergerakannya oleh Allah secara mutlak, manusia tiada pilihan dalam persoalan iman, kafir, kekayaan kemiskinan, nasib baik dan buruk.
 - Mazhab Qadariah berpendapat manusia diberi kuasa mutlak menguruskan kehidupan di dunia. Ikhtiar dan taqdir adalah daripada manusia tanpa ada kaitan dengan Allah
 - Mazhab ahli sunnah wal jamaah berpendapat manusia yang meyakini segala yang akan, sedang dan telah berlaku adalah di bawah taqdir Allah tetapi manusia tidak tahu apa yang telah ditaqdirkan Allah untuknya.
 - Mazhab ahli sunnah wal jamaah berpendapat konsep tawakal adalah dengan memaksimumkan segala usaha dan ikhtiar yang berpegang pada syara' dan patuhi suruhan Allah sentiasa.
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. Semua di atas
21. Perbincangan mengenai hari kiamat merupakan tajuk penting dalam persoalan aqidah. Bagaimanakah aqidah seseorang Muslim boleh terbatal berdasarkan pernyataan di bawah?
- Mengatakan kiamat tidak mungkin berlaku
 - Meyakini ramalan kiamat akan berlaku pada 2013
 - Mempercayai kiamat belum pasti berlaku pada 2013
 - Mengimani bahawa dunia berada di ambang kiamat

- A. I dan ii
 - B. I dan iii
 - C. li dan iii
 - D. li, iii dan iv
22. Pernyataan berikut adalah **BENAR** mengenai qadar Allah **KECUALI**.
- A. Manusia boleh membuat pilihan samada jalan hidayah atau jalan kesesatan.
 - B. Manusia akan dipertanggungjawabkan terhadap pilihannya.
 - C. Manusia diberi kebebasan mutlak untuk memilih apa yang dikehendakinya.
 - D. Kehendak manusia terletak dalam lingkungan kehendak Allah.
23. Pilih pernyataan yang **TEPAT** mengenai iman?
- A. Amalan buruk seseorang boleh membatalkan iman
 - B. Iman bersifat tetap, tidak bertambah dan berkurang
 - C. Memikir kejadian alam boleh memperteguhkan iman
 - D. Amalan baik tidak menggambarkan keimanan seseorang
24. Pilih kenyataan yang **SALAH** berkaitan dengan persoalan taqdir
- B. Allah yang menciptakan segala sesuatu, oleh sebab itu Allah bebas memilih siapa pun makhluknya sesuai dengan apa yang telah dikehendakinya.
 - C. Allah berhak merendahkan siapa saja yang dikehendakinya dengan menakdirkan ia menjadi orang yang hina dina.
 - D. Allah tidak memberikan manusia pilihan di dalam menentukan hala tuju Kehidupan mereka kerana Allah berkuasa atas segala-galanya.
 - E. Allah membuat kekenyangan di waktu manusia itu makan.

25. Konsep yang sesuai mengenai pengakuan keesaan Allah dan kerasulan Nabi Muhammad?
- A. Talbiah
 - B. Tahmid
 - C. Zikrullah
 - D. Syahadah
26. Seorang mencuri pernah ditanya di zaman Khalifah Omar: Mengapa engkau mencuri? Maka pencuri itu menjawab: " Memang Allah telah menakdirkan demikian ini kepada diri ku". Pilih kenyataan yang **PALING TEPAT** untuk menjelaskan peristiwa di atas.
- A. Takdir sama sekali tidak boleh dianggap sebagai jalan untuk bertawakkal yang tidak sewajarnya, takdir dapat ditolak dengan takdir.
 - B. Takdir diertikan sebagai suatu paksaan tuhan kepada seseorang hambanya.
 - C. Takdir haruslah dianggap sebagai jalan untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang baik.
 - D. Takdir merupakan suatu kekuatan yang dapat membangkitkan semangat berusaha.
27. Manakah antara elemen-elemen berikut merupakan kandungan ajaran Islam
- A. Akidah, Syariat dan akhlak
 - B. Akidah, syariat dan fiqah
 - C. Akidah, syariat dan munakahat
 - D. Akidah, Syariat dan ibadah
28. Berikut ialah asas-asas akidah Islam yang telah dibina oleh Rasulullah S.A.W.
- KECUALI**
- A. Keyakinan kewujudan Allah
 - B. Keyakinan kepada para rasul yang diutus ke muka bumi
 - C. Keyakinan kepada makhluk-makhluk halus ciptaan Allah
 - D. Keyakinan dengan taqdir dan ketetapan Allah.

29. Pernyataan di bawah ini adalah kesan daripada keimanan kepada takdir **KECUALI**
- A. Kekuatan dan kecekapan manusia dapat mencapai pengertian bahawa adanya peraturan dan ketentuan Tuhan.
 - B. Memberikan pelajaran kepada manusia bahawa segala yang ada di alam ini berjalan dengan kebijaksanaan yang telah digariskan oleh Allah.
 - C. Memberikan motivasi kepada manusia untuk meninggalkan aktiviti keduniaan dan menumpukan kepada masa depan yang sebenarnya iaitu hari akhirat.
 - D. Tiada satu pernyataan pun yang bersesuaian dengan kehendak soalan
30. Suatu peraturan tertentu yang telah dibuat oleh Allah taala untuk segala yang ada dalam alam semesta ini. Pernyataan tersebut menerangkan maksud istilah.....
- A. Qada'
 - B. Qadar
 - C. Tawakal
 - D. Mubram
31. Dibawah ini ialah pendekatan amali untuk membugarkan tauhid Rububiyah
- i. Amalan bertafakkur melihat keindahan alam.
 - ii. Lawatan dan bersiar-siar untuk menghayati dan memikirkan keagungan ciptaan Allah.
 - iii. Menyaksikan dokumentari tentang dunia laut, gempap bumi, gunung berapi dan angkasaraya.
 - iv. Wajib mengikhlaskan kecintaan dan pengabdian hanya kepada Allah
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv

32. Konsep beriman kepada Allah termasuklah meyakini tauhid rububiah. Manakah di antara berikut terkandung dalam maksud tauhid rububiah?

- i Percaya bahawa hanya Allah yang layak di sembah dan diminta pertolongan
- ii Percaya hanya Allah yang memiliki nama dan sifat mulia yang tidak dimiliki oleh makhluk
- iii. Percaya hanya Allah yang maha berkuasa dan maha Esa
- iv. Percaya hanya Allah, Tuhan pencipta, pemelihara dan pemberi rezeki

- A. i dan ii
- B. ii, iii dan iv
- C. iii dan iv
- D. Semua di atas

33. Mengapakah manusia memerlukan rasul di dalam kehidupan mereka?

- i. Rasul yang menyampaikan agama Allah secara teori dan amali
- ii. Agama budaya tidak memerlukan rasul-rasul kerana manusia yang mengasaskannya adalah manusia biasa.
- iii. Manusia tidak mampu berdikari dengan akalanya secara bersendirian dalam hal-hal tertentu seperti metafizik dan akhlak.
- iv. Fitrah manusia menyebabkan manusia memerlukan agama dan agama yang benar hanya boleh didapati daripada pengutusan rasul.

- A. i, ii dan iii
- B. i, iii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

34. Berikut merupakan tujuan pengutusan Rasulullah kepada manusia **KECUALI**

- A. Mengajak manusia mengesakan Allah serta menolak kesesatan
- B. Membimbing manusia ke jalan yang benar dan mengamalkan cara hidup Islam.
- C. Mempamerkan mujizat yang dikurniakan Allah kepada masyarakat
- D. Menjadi qudwah hasanah serta membentuk akhlak mulia masyarakat

35. Pilih kenyataan yang **BENAR** mengenai konsep beriman kepada kitab-kitab suci
- i. Meyakini dan mengamalkan ajaran semua kitab yang diturunkan
 - ii. Mempercayai semua kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah
 - iii. Mempelajari, memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran
 - iv. Membaca al-Quran mendapat pahala sama seperti membaca kitab-kitab lain
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. Semua di atas
36. Berikut merupakan keistimewaan-keistimewaan Al-Quran yang membezakannya dengan kitab-kitab suci yang lain **KECUALI**
- A. Al-Quran memuatkan ringkasan dari ajaran-ajaran ketuhanan yang pernah dimuatkan oleh kitab-kitab suci sebelumnya.
 - B. Ajaran-ajaran dalam Quran merupakan kalimat Allah yang terakhir untuk memberikan petunjuk dan pimpinan yang benar kepada umat manusia.
 - C. Al-Quran diturunkan di dalam bahasa arab supaya susah untuk difahami manusia.
 - D. Al-Quran adalah kitab suci yang kekal sehingga hari qiamat dan tidak akan berlaku pertentangan antara sains dan Quran.
37. Berikut adalah tugas rasul **KECUALI**
- A. Mengajar cara beribadat yang betul
 - B. Mendidik manusia mengenal pencipta
 - C. Menyampaikan wahyu secara terpilih
 - D. Mendidik manusia supaya berakhlak

38. Pilih senarai rasul ulul azmi yang betul
- A. Nabi Ibrahim, Nabi Idris, Nabi Ismail, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
 - B. Nabi Ismail, Nabi Ibrahim, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
 - C. Nabi Nuh, Nabi Adam, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
 - D. Nabi Ibrahim, Nabi Nuh, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
39. Manakah yang berikut adalah perkara yang akan ditempuhi oleh semua manusia pada hari kiamat?
- i. Al-sirat
 - ii. Al-kauthar
 - iii. Al-hisab
 - iv. Al-mahsyar
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
40. Gejala keruntuhan akhlak remaja muslim masa kini adalah isu utama yang menjadi topik perbincangan hangat di Negara kita. Apakah faktor **UTAMA** yang menyumbang kepada fenomena tersebut?
- A. Pengaruh persekitaran
 - B. Budaya hedonism yang keterlaluan
 - C. Lunturnya kekuatan iman
 - D. Kurangnya pemantauan dari ibubapa

(40 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab TIGA (3) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jelaskan LIMA (5) tanda besar hari Kiamat.

(10 markah)

SOALAN 2

Jelaskan TIGA (3) kesan keimanan kepada Allah

(10 markah)

SOALAN 3

Secara zahirnya manusia adalah lebih mulia daripada malaikat. Jelaskan.

(10 markah)

SOALAN 4

Jelaskan TIGA (3) persamaan antara manusia dan jin.

(10 markah)

SOALAN 5

Jelaskan TIGA (3) keistimewaan Al-Quran berbanding kitab-kitab lain.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT